

AUTENTIKASI HADITH PENSYARIATAN *KHITĀN* WANITA: SUATU PENILAIAN SEMULA

Norazam Khair Mohd Ithnin
Felo SLAI, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Ishak Suliaman
Prof Madya (PhD), Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Abdul Halim Ibrahim
Pensyarah Kanan (PhD),
Program Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding Author's Email: norazamithnin@um.edu.my

Article history:

Received : 4 April 2023
Accepted : 10 April 2023
Published : 10 Mei 2023

ABSTRAK

Amalan *khitān* wanita di Malaysia dikritik hebat kerana didakwa sama seperti amalan *Female Genital Mutilation* (FGM) yang diamalkan di benua Afrika. Kritikan ini rentetan daripada *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW) pada 2018 anjuran *United Nations Human Rights* (UNHR) yang meminta Malaysia menghentikan amalan *khitān* wanita tersebut. Antara dakwaan yang dilontarkan ialah amalan *khitān* wanita ini hanyalah sebuah tradisi dan bukan tuntutan agama. Selain itu, mereka menyangkal akan keautoritrian hadith yang digunakan sebagai dalil pensyariatan *khitān* wanita adalah *da’if* dan tidak berautoriti. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menilai dan mengkaji semula keabsahan dan keautoritrian hadith yang dijadikan dalil pensyariatan amalan *khitān* wanita. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan *historical-textual analysis* yang menganalisis pendapat tokoh ulama hadith berkenaan sanad dan matan hadith. Hasil kajian mendapati, hadith berkenaan *khitān* wanita mempunyai pelbagai jalur yang mampu menyokong antara satu sama lain dan boleh dinaik taraf sebagai *hasan li ghayrihi*. Kesimpulannya, kajian ini mendapati hadith yang dijadikan dalil pensyariatan amalan *khitān* wanita adalah

berautoriti, seterusnya mengabsahkan bahawa amalan ini merupakan sebahagian daripada syariat Islam.

Kata kunci: khitān wanita, FGM, Sunat, hadith khītan, autentikasi

AUTHENTICATION OF SANCTIONING HADITH RELATED TO WOMEN'S KHITĀN: A REASSESSMENT

ABSTRACT

The practise of khitān women in Malaysia has been heavily criticised for being prosecuted similarly to the practise of Female Genital Mutilation (FGM) practised on the African continent. This criticism follows the 2018 Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW) organised by the United Nations Human Rights (UNHR), which called on Malaysia to stop the women's khitān practises. Among the allegations is that the practise of khitān women is merely a tradition and not a religious claim. In addition, they deny the authority of the hadith, which is used as a dalil of sanctioning khitān women as da'if and not authority. Hence, this study aims to evaluate and review the validity and authority of hadiths that are used as a dalil for sanctioning women's khitān practises. This study uses a qualitative method using the historical-textual analysis research method, which analyses the opinions of scholars of hadith on sanad and matan hadith. As a result of the study, the hadith on khitān women has various stripes that can support each other and can be upgraded as hasan li ghayrihi. In conclusion, this study found that the hadith that is used as a dalil sanctioning the practise of khitān women there has authority, thus confirming that this practise is part of the Islamic Shari'ah.

Keywords: *khitān woman, FGM, Sunnah, hadith khītan, authentication*

PENGENALAN

Pada tahun 2009, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) telah mewartakan bahawa amalan *khitān* wanita merupakan sebahagian daripada syiar Islam yang perlu dilakukan oleh umat Islam. Oleh itu, Muzakarah MKI bersetuju memutuskan bahawa hukum *khitān* wanita adalah wajib selagi mana tidak membawa kepada kemudarat. Namun pada 20 Februari 2018, suatu konvesyen telah dianjurkan oleh United Nations Human Rights (UNHR) di Geneva iaitu *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW) telah mendesak Malaysia untuk menghentikan serta merta amalan khitan wanita. Hal ini disebabkan, ahli komiti konvesyen ini menganggap perbuatan khitan wanita adalah sebahagian daripada *Female Genital Mutilation*

(FGM) yang telah dilarang oleh WHO dan suatu bentuk diskriminasi bagi kaum wanita (CEDAW, 2018). Selain itu, pihak *Sisters in Islam* (SIS) bertegas dan membantah amalan ini dengan mendakwa perbuatan *khitān* wanita ini hanyalah tradisi dan bukan tuntutan agama (Sister In Islam, 2022). Tambahan lagi, Amirul Hassan (2019) dalam sebuah kajiannya mendakwa bahawa hadith-hadith yang dijadikan dalil amalan khitan wanita ini adalah lemah dan tidak berautoriti.

Menurut mazhab al-Shāfi’ī, amalan *khitān* secara umumnya adalah wajib sama ada bagi lelaki dan juga perempuan (al-Anṣārī, t.t.). Dalam mazhab al-Shāfi’ī, amalan *khitān* wanita merupakan suatu proses membuang sebahagian kecil sahaja kulit bahagian atas klitoris yang berbentuk seperti balung ayam jantan dan had wajib bagi amalan ini ialah dengan memotong bahagian paling hujung kulit bahagian atas klitoris tersebut dan bukan klitorisnya (al-Māwardī, 1999; al-Nawawī, t.t.). *Khitān* merupakan sebuah perkataan bahasa arab yang berasal daripada *kha-ta-na* yang membawa maksud perbuatan memotong dan proses penyembuhan daripada pemotongan tersebut (Ibn Manzūr, 1993). Bagi *khitān* lelaki, dipanggil sebagai *al-I’dhār* manakala bagi *khitān* wanita dipanggil sebagai *al-Khafḍ* (al-‘Asqalānī, 1959).

Selain mazhab al-Shāfi’ī, amalan *khitān* wanita juga diperakui akan pensyariatannya oleh mazhab-mazhab dalam Islam yang muktabar seperti al-Hanafī, al-Mālikī dan al-Ḥanbalī. Walau bagaimanapun, mereka berselisih berkenaan hukum bagi amalan ini.

Jadual 1: Pandangan muktamad bagi setiap 4 mazhab berkenaan amalan *khitān*

Bil	Mazhab	Hukum
1	Mazhab al-Hanafī	<i>Khitān</i> bagi lelaki dan wanita adalah sunat. Sebahagian ulama mazhab al-Hanafī berpendapat bahawa <i>khitān</i> wanita merupakan <i>makrumah</i> (kehormatan).
2	Mazhab al-Mālikī	<i>Khitān</i> bagi lelaki adalah sunat, manakala <i>khitān</i> bagi perempuan adalah <i>mustaḥab</i> dan amalan ini dianggap sebagai <i>makrumah</i> (kehormatan) bagi mereka.
3	Mazhab al-Shāfi’ī	<i>Khitān</i> bagi lelaki dan perempuan adalah wajib.
4	Mazhab al-Ḥanbalī	<i>Khitān</i> bagi lelaki dan perempuan adalah wajib.

Sumber: (‘Abidīn, 1966; al-Shanqītī, 2015; al-Haytamī, 1983; al-Buhūtī, 1993)

Berdasarkan keterangan jadual di atas, dapatlah dirumuskan bahawa amalan *khitān* wanita adalah sesuatu yang disyariatkan berdasarkan pandangan mazhab empat yang muktabar. Namun tidak dinafikan terdapat perbezaan hukum terhadap amalan ini antara sunat, *mustahab* atau wajib.

Menurut Jamāl Abū al-Sarūr dan Ahmad Rajā’ (2013), amalan khitan wanita yang diamalkan oleh umat Islam hanyalah amalan tradisi dan bukan sebahagian daripada sharī’at Islam. Menurutnya juga, Islam tidak mengajar umatnya mencederakan diri sendiri dengan suatu amalan yang tidak mempunyai apa-apa faedah. Budaya *khitān* wanita ini juga dianggap sebagai peninggalan daripada kerajaan Mesir Purba dan disebut sebagai *pharaonic circumcision* (Janice B., 1982). Manar Al-Adam (2022) berpendapat bahawa amalan *khitān* yang diamalkan oleh masyarakat kaum Melayu hanyalah tradisi dan adat.

PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Antara punca konflik amalan *khitān* wanita ini ialah masalah sumber pendalilan yang digunakan dalam hukum ini. Hal ini disebabkan, terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa amalan khitan wanita ini tidak disokong oleh sebarang dalil daripada al-Qur’ān secara jelas malah status hadith yang dijadikan sandaran juga dipersoal keautoritiannya (Karaman, 2021). Hadith yang sering diperdebatkan ialah hadith:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ الْأَنْصَارِيَّةِ: ((أَنَّ امْرَأَةً كَانَتْ تَخْتِنُ بِالْمَدِينَةِ فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تُنْهِكِي فِإِنَّ ذَلِكَ أَحْطَى لِلْمَرْأَةِ وَأَحْبَثُ إِلَيْهِ الْبَعْلِ)).

Terjemahan: *Dari pihak Umm Atiyyah: Bahwasanya di Madinah ada seorang wanita yang pekerjaannya mengkhitan wanita, kemudian Rasulullah SAW bersabda: Jangan berlebihan di dalam memotong, kerana yang demikian itu lebih nikmat bagi wanita dan lebih disenangi suaminya.* (Abu Dawud, 2009; 5271)

Berlaku perselisihan antara tokoh pengkritik hadith dalam menentukan status hadith ini. Perselisihan tersebut dirumuskan seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Pendapat tokoh pengkritik hadith mengenai status hadith *khitān* wanita

Tokoh Pengkritik	Hukum
Abū Dawud (w. 275 H)	Da’if
Al-Hākim (w. 405 H)	Şahīh
Al-Bayhaqī (w. 458 H)	Da’if
Al-Haythami (w. 807 H)	Hasan

Ibn Hajar (w. 852 H)	Maqbul dengan shawāhid
‘Alī al-Qārī (w. 1014 H)	Sahīh
Aḥmad al-Ghumārī (w. 1380 H)	Maqbūl dengan shawāhid
Al-Albānī (w. 1420H)	Sahīh
Shu’ayb al-Arnāūṭ (w. 1437 H)	Da’īf

Sumber: (Abu Dāwud, 2009; al-Hākim, 1990; al-Bayhaqī, 2003; al-Haythamī, 1994; al-‘Aqalānī, 1959; al-Qārī, 2002; al-Ghumārī, 1996; al-Albānī, 1995)

Berdasarkan perselisihan yang berlaku dalam kalangan tokoh pengkritik hadith dalam menentukan status hadith amalan *khitān* wanita telah menyebabkan konflik dan perdebatan berkenaan pensyariatan amalan tersebut. Oleh itu, suatu kajian dan penilaian semula perlulah dilakukan secara menyeluruh dengan menitikberatkan aspek pencarian sumber periwayatan (*Takhrīj al-Hadīth*) dan penelitian jalur sanad hadith (*Dirāsah al-Asānīd*) serta meneliti pendapat-pendapat ulama *al-Jarh wa al-Ta’dīl* secara holistik supaya suatu kesimpulan berkenaan status hadith pensyariatan amalan *khitān* wanita dapat dirumuskan secara tuntas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berdasarkan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam (Idris M.A., 2018) seperti menganalisis jalur-jalur sanad hadith pensyariatan *khitān* wanita. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan metode dokumentasi sebagai metode pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis data.

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan jalur-jalur sanad hadith pensyariatan *khitān* wanita daripada sumber-sumber primer hadith yang bersanad. Selain itu, pendapat berkenaan perawi-perawi hadith pensyariatan *khitān* wanita bersumberkan karya-karya *al-Jarh wa al-Ta’dīl*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengetahui status sebenar hadith pensyariatan *khitān* wanita berdasarkan setiap pendapat para tokoh *al-Jarh wa al-Ta’dīl* berkenaan perawi-perawi hadith berkenaan. Selain itu, karya ‘Ulum al-Hadīth akan dirujuk bagi memahami maksud sebenar pendapat para tokoh berkenaan seseorang perawi Sekiranya terdapat perbezaan antara pendapat tokoh-tokoh tersebut, maka perbandingan pendapat antara satu sama lain akan dilakukan.

ANALISIS KAJIAN

Hadith pensyariatan *khitān* wanita yang menjadi fokus utama bagi kajian ini ialah:


عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ الْأَنْصَارِيَّةِ: ((أَنَّ امْرَأَةً كَانَتْ تَخْتِنُ بِالْمَدِينَةِ فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تُنْهِيَّكِي فَإِنَّ ذَلِكَ أَخْطَى لِلْمَرْأَةِ وَأَحَبُّ إِلَى الْبَغْلِ)).

Terjemahan: *Daripada Umm ‘Atiyyah: Bahawasanya di Madinah ada seorang wanita yang pekerjaannya mengkhitan wanita, kemudian Rasulullah SAW bersabda: Jangan berlebihan di dalam memotong, kerana yang demikian itu lebih nikmat bagi wanita dan lebih disenangi suaminya.* (Abu Dawud, 2009; 5271)


Hadith yang menjadi perbahasan bagi kajian mengandungi pelbagai jalur sanad yang akan perlu dianalisis dan dirumuskan hasil analisis tersebut supaya suatu kesimpulan status bagi hadith ini dapat diberikan dengan tuntas. Terdapat enam jalur yang menisbahkan dan menghukum *marfū'* kepada Nabi SAW manakala satu jalur hanyalah *mawqūf* kepada isteri baginda Nabi SAW.

Kepelbagaiannya jalur ini telah pun diriwayatkan dalam pelbagai sumber hadith yang bersanad iaitu dalam *Sunan Abī Dawud* oleh Abu Dawud (2009), *Masā'il Ḥarb bin Ismā'īl* oleh Ḥarb bin Ismā'īl (2013), *al-'Iyāl* oleh Ibn Abī Dunya (1990), *Musnad al-Bazzār al-Bahr al-Zakhkhar* oleh al-Bazzār (2009), *al-Kunā wa al-Asmā'* oleh al-Dūlābī (2000), *al-Mu'jam al-Kabīr*, *al-Mu'jam al-Awsāt*, *al-Mu'jam al-Ṣaghīr*, ketiga-tiga karangan ini oleh al-Ṭabarānī (1994; t.t.; 1985), *al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl* oleh Ibn 'Adī, *Ṭabaqāt Muḥaddithīn bi Aṣbahān wa al-Wāridīn 'Alayhā* oleh Abū Muḥammad bin Hayyān (1992), *al-Muṣṭadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn* oleh al-Ḥākim al-Naysābūrī (1990), *Tarikh Aṣbahān*, *Ma'rīfah al-Ṣaḥābah*, kedua-duanya oleh Abū Nu'aym al-Aṣbahānī (1990; 1998), *al-Sunan al-Kubrā* oleh al-Bayhaqī (2003) dan *Tarikh Baghdād* oleh al-Khatīb al-Baghdādī (2002).

Pemetaan dan pembentangan setiap jalur adalah seperti rajah 1 dan rajah 2.



Rajah 1: Jalur-jalur sanad hadith pensyariatan *khitān* wanita
 Sumber: Analisis Pengkaji



Rajah 2: Jalur-jalur sanad hadith pensyariatan *khitān* wanita

Sumber: Analisis pengkaji

1. Jalur Pertama: Ummu ‘atiyyah

Hadith pensyariatan khitān wanita ini diriwayatkan melalui seorang sahabat Nabi SAW bernama Ummu ‘Atiyyah oleh Abu Dawud dalam *Sunan Abī Dawud* pada kitab *Awwal Kitāb al-Adab, Bāb fī al-Khitān*. Selain itu, al-Bayhaqī juga meriwayatkan hadith ini dalam *al-Sunan al-Kubrā* pada *Kitāb al-Ashribah wa al-Ḥadīthāt, Bāb al-Sultān Yukrihu ‘alā al-Ikhtitān aw al-Ṣabī wa Sayyid al-Mamlūk Yu’marān bihi wa mā warada fī al-Khitān*. Abū Dawud (2009) berpendapat hadith ini ialah *da’if* disebabkan seorang perawi bernama Muḥammad bin Hassān yang dikategorikan sebagai *majhūl*. Di samping itu, Abū Dawud menyatakan terdapat sokongan dan *mutāba‘āt* oleh perawi bernama ‘Ubayd Allāh bin ‘Amrū yang telah mengambil hadith ini daripada ‘Abd al-Mālik bin ‘Umayr. Namun, sanad ini dihukum terputus oleh Abū Dawu sendiri.

2. Jalur Kedua: Anas bin Mālik

Jalur yang melalui sahabat Nabi SAW iaitu Anas bin Mālik telah diriwayatkan oleh Ibn Abī al-Dunyā dalam *al-‘Iyāl* pada *Bāb al-Khitān*, al-Dūlābī dalam *al-Kunā wa al-Asmā‘*, al-Tabrānī dalam *al-Mu’jam al-Awsāṭ* dan *al-Mu’jam al-Šaghīr*, Ibn ‘Adī dalam *al-Kāmil fī Du’afā’ al-Rijāl*, Abū Muhammād bin Hayyān dalam *Ṭabaqāt al-Muhaddithīn bi Aṣbahān wa al-Wāridīn ‘Alayhā*, Abū Nu’aym al-Asbahānī dalam *Tarīkh Aṣbahān* dan al-Bayhaqī dalam *Bāb al-Sultān Yukrihu ‘alā al-Ikhtitān aw al-Ṣabī wa Sayyid al-Mamlūk Yu’marān bihi wa mā warada fi al-Khitān*. Melalui anak murid Anas bin Mālik iaitu Thābit al-Bunānī, al-Tabrānī (1985) menyatakan bahawa hadith ini tidak diriwayatkan oleh Thābit al-Bunānī melainkan daripada Zāidah bin Abī al-Ruqqād dan Muḥammad bin Salām al-Jumāhī bersendiri dalam meriwayatkannya daripada Zāidah. Berkenaan status Zāidah bin Abī al-Ruqqād pula, berlaku perselisihan antara tokoh kritik hadith. al-Muqaddimī dan al-Qawārītī menerima periwatan Zāidah, namun ia bertentangan dengan al-Bukhārī yang menghukum Zāidah sebagai *Munkar al-Ḥadīth*. Walau bagaimanapun, terdapat pendapat pertengahan seperti Abū Hatim al-Rāzī dan Ibn Ḥibbān yang menyatakan bahawa periwatan Zāidah bukanlah hujah sekiranya bersendiri, namun periwatan beliau boleh dijadikan sokongan dan *al-Itibār* (*al-Asqalānī*, 1908). Berkenaan istilah *Munkar al-Ḥadīth* yang digunakan oleh al-Bukhārī, al-Biqā‘ī menafsirkan bahawa ianya tidaklah bermaksud haram sama sekali meriwayatkan daripada seseorang yang dihukum sedemikian, namun hanya menafikan untuk dijadikan hujah sekiranya bersendiri tanpa menafikan keharusan menggunakan sebagai sokongan dan *al-Itibār* (*al-Biqā‘ī*, 2007).

Selain daripada periwatan Thābit, terdapat jalur lain yang meriwayatkan hadith ini daripada Anas bin Mālik. Perawi tersebut ialah al-Hasan al-Baṣrī. Perawi-perawi dalam jalur ini adalah tidak bermasalah melainkan Ismā‘īl bin Abī Umayyah yang dida’ifkan oleh al-Dāruquṭnī (*al-Dhahabī*, 1963; *al-Asqalānī*, 1971).

3. Jalur Ketiga: ‘Atiyyah Al-Qurażī

Jalur yang melalui sahabat Nabi SAW iaitu ‘Atiyyah al-Qurażī telah diriwayatkan oleh Ibn Abī al-Dunyā dalam *al-‘Iyāl* dalam *Bāb al-Khitān*. Perawi yang terdapat dalam jalur ini adalah boleh diterima kerana ‘Atiyyah al-Qurażī ialah seorang sahabat, ‘Ubayd Allāh bin ‘Amrū dihukum *thiqah faqīh* dan Yahyā bin Yūsuf al-Zimmī dihukum *thiqah*. Namun terdapat sedikit keraguan berkenaan bersambungnya sanad antara ‘Atiyyah al-Qurażī dan ‘Ubayd Allāh bin ‘Amru. Ini disebabkan, ‘Atiyyah al-Qurażī merupakan sahabat yang berada pada ṭabaqāt yang pertama manakala ‘Ubayd Allāh bin ‘Amru merupakan seorang *tābi‘i* *al-tābi‘i* yang berada pada ṭabaqāt yang kelapan (al-‘Asqalānī, 1986). Oleh itu, pertemuan antara ‘Atiyyah al-Qurażī dan ‘Ubayd Allāh bin ‘Amru tidak berlaku dan diragui.

4. Jalur Keempat: Al-Ḍahḥāk bin Qays

Jalur yang melalui sahabat Nabi SAW iaitu al-Ḍahḥāk bin Qays telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī dalam *al-Mu‘jam al-Kabīr*, al-Hākim dalam *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣahīhayn*, Abū Nu‘aym al-Asbahānī dalam *Ma‘rifah al-Sahābah*, al-Bayhaqī dalam *al-Sunan al-Kubrā* pada *Bāb al-Sultān Yukrihu ‘alā al-Ikhtītān aw al-Ṣabī wa Sayyid al-Mamlūk Yu‘marān bihi wa mā warada fi al-Khitān*.

Dalam jalur ini, terdapat masalah pada perawi yang mendengar daripada ‘Abd al-Mālik bin ‘Umayr iaitu seseorang lelaki Kūfah yang tidak diketahui siapa dan boleh dikategorikan sebagai *al-Mubham*. Namun terdapat *al-Mutābi‘i* dan sokongan daripada seorang perawi yang *thiqah* lagi *thabit* bernama Zayd bin Abī Unaysah (al-Dhahabī, 1985). Selain itu, terdapat masalah dalam jalur ini pada peringkat anak murid ‘Ubayd Allāh bin ‘Amrū. Perawi yang bermasalah itu ialah al-‘Alā‘ bin Hilāl al-Bāhilī yang dihukum sebagai *Munkar al-Hadīth* dan *Da‘if al-Hadīth* oleh Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī (al-Rāzī, 1952). Tambahan lagi, terdapat juga masalah pada perawi al-Miqdām bin Dawud al-Miṣrī yang mengambil hadith daripada ‘Alī bin Ma‘bad al-Raqī. al-Miqdām bin Dawud al-Miṣrī telah dihukum sebagai tidak *thiqah* oleh al-Nasāī (al-Dhahabī, 1985).

5. Jalur Kelima: ‘Alī bin Abū Tālib

Jalur yang melalui sahabat Nabi SAW iaitu ‘Alī bin Abū Tālib telah diriwayatkan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī dalam *Tarīkh Baghdād*. Madar hadith ini ialah pada perawi bernama Abū Ghassān ‘Awf bin Muḥammad. Terdapat perawi yang bermasalah bernama Muḥammad bin Yūnus yang dihukum sebagai *muttaham bi al-kadhib* (al-Dhahabī, 1985). Selain itu, Ṣāliḥ bin Aḥmad bin Yūnus salah seorang perawi yang mengambil daripada Muḥammad bin Mūsā telah dihukum oleh al-Dāruquṭnī sebagai *matrūk*, *kadhhdhbāb* dan *dajjāl*. Malah, Ibn ‘Adī mengatakan beliau sebagai *yasriq al-hadīth* (al-‘Asqalānī, 2002).

6. Jalur Keenam: Ibn ‘Umar

Jalur yang melalui sahabat Nabi SAW iaitu Ibn ‘Umar telah diriwayatkan oleh al-Bazzār dalam *Musnad al-Bazzār al-Bahr al-Zakhkhar*. Dalam jalur periwayatan ini terdapat perawi yang bernama Mandal bin ‘Alī yang dihukum *da’if* oleh Ibn Hajar (al-‘Asqalānī, 1992)

7. Jalur Ketujuh: *Mawqūf* Kepada Maymūnah

Jalur ini *mawqūf* kepada isteri Nabi SAW Maymūnah melalui seorang sahabat Nabi SAW juga iaitu Ibn ‘Abbās telah diriwayatkan oleh Ḥarb bin Ismā‘īl dalam *Masāil Ḥarb bin Ismā‘īl al-Karmānī*. Ke semua perawi dalam jalur ini boleh diterima melainkan seorang perawi yang bernama ‘Alī bin ‘Urwah al-Dimashqī yang dihukum oleh Ibn Ma‘īn sebagai *laysa bi shay'* dan Abū Ḥatim sebagai *matrūk al-hadīth*.

DAPATAN KAJIAN

Setelah meneliti setiap jalur periwayatan hadith pensyariatan *khitān* wanita, maka dapat dirumuskan bahawa setiap jalur tidak terlepas daripada kecacatan sama ada dari aspek bersambungnya sanad antara perawi dan perawi yang lain dan juga dari aspek kredibiliti para perawi yang meriwayatkan hadith pensyariatan *khitān* wanita. Namun, perkara ini tidaklah menghalang untuk setiap jalur untuk menguatkan antara satu sama lain sehingga boleh dihukumkan sebagai *hasan li ghayrihi*. Hal ini merupakan kaedah yang diamalkan para tokoh kritik hadith seperti yang dinyatakan oleh Ibn Hajar (1984; 1997), al-Biqā‘ī (2007), al-Sakhawī (2003) dan al-Suyūtī (t.t.). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa hadith pensyariatan *khitān* wanita adalah autentik, boleh diterima dan boleh dijadikan dalil dalam pensyariatan amalan tersebut.

Ini bertepatan dengan pendapat al-Haythamī (1994) yang menghukumkan hadith ini sebagai *hasan*. Malah pendapat ini juga disokong oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1959) yang mendatangkan hadith ini dalam *Fath al-Bārī sharḥ Sahīh al-Bukhārī* kemudian mengatakan bahawa hadith ini terdapat sokongan daripada jalur lain. Lalu beliau hanya mendiamkan status hadith tersebut setelah menyatakan pendapat sedemikian. Menurut al-Tahānawī (1984), sekiranya Ibn Hajar al-‘Asqalānī mendatangkan hadith selain daripada hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī* di dalam *Fath al-Bārī* kemudian beliau senyapkan hadith tersebut tanpa sebarang status, maka hadith tersebut adalah antara *sahīh* atau *hasan*. Menguatkan lagi pendapat ini, Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2001) telah memuatkan hadith ini di dalam bahagian hadith *hasan* tanpa sebarang komentar dalam *Hidāyah al-Ruwah ilā Takhrīj Aḥadīth al-Maṣābiḥ wa al-Mishkāh*.

KESIMPULAN

Khitān wanita ini telah menimbulkan polemik dan isu dalam amalan masyarakat di dunia mutakhir ini. Pihak WHO menggesa setiap anggota masyarakat di dunia

untuk menghentikan amalan yang disyariatkan ini dengan apa jua cara. Diikuti dengan fatwa-fatwa ulama kontemporari dalam hal ini, merancakkan lagi halangan dan pengharaman bagi amalan ini. Hal ini disebabkan, mereka menganggap hadith yang dijadikan sumber sebagai amalan *khitān* wanita ini adalah tidak kuat, tidak berautentik dan *da’if*. Perkara ini berpunca daripada kegagalan mereka menghimpunkan ke semua jalur hadith pensyariatan *khitān* wanita lalu diperincikan segala perbahasan sama ada dari aspek bersambungnya sanad, kredibiliti perawi atau pada teori naik tarafnya status sebuah hadith.

Selepas menghimpunkan jalur hadith pensyariatan *khitān* wanita daripada pelbagai sumber primer yang bersanad, terdapat tujuh jalur daripada sahabat Nabi SAW yang berbeza. Enam daripada tujuh menghukum penisbahan hadith tersebut sebagai *marfū* manakalah seorang menghukumkan penisbahan hadith tersebut sebagai *mawqūf*. Setelah diteliti pada setiap jalur sanad hadith pensyariatan *khitān* wanita, maka dapat disimpulkan jalur-jalur sanad hadith ini mampu untuk menyokong antara satu sama lain yang menaikkan status hadith ini daripada *da’if* kepada *hasan li ghayrihi*. Oleh itu, hadith pensyariatan *khitān* wanita adalah autentik dan boleh dijadikan hujah pensyariatan amalan *khitān* wanita.

PENGHARGAAN

Kajian ini menggunakan dana yang diperuntukkan oleh Universiti Malaya melalui geran khas penyelidikan (GKP). Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan GKP yang bertajuk “Khitan Wanita Menurut Fiqh al-Hadith: Pembinaan Garis Panduan Amalan Khitan Wanita di Malaysia” di bawah peruntukan dana geran GKP UMG008L-2002.

RUJUKAN

- Abū ‘Abd Allāh al-Hākim Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Naysābūrī, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990).
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Mīzān al-‘Itidāl fī Naqd al-Rijāl*, ‘Alī Muḥammad al-Bijāwī, (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1963).
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar Aḥlām al-Nubalā*, ed. Shu‘ayb al-Arnāūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985).
- Abū ‘Abd al-Rahmān Muḥammad bin Nūḥ al-Albānī, *Silsilah al-Āḥādīth al-Saḥīḥah wa Shay’ min Fiqhīhā wa Fawāidihā* (Riyāḍ: Maktabah al-Mā’rif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1995).
- Abū Aḥmad bin ‘Adī al-Jurjānī, *al-Kāmil fī Du’afā’ al-Rijāl* (Beirut: al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).
- Abū Bakar Aḥmad bin al-Husayn bin ‘Alī al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Atā (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).
- Abū Bakar Aḥmad bin ‘Amrū bin ‘Abd al-Khāliq al-‘Atkī al-Bazzār, *Musnad al-Bazzār al-Baḥr al-Zakhkhār*, ed. Maḥfūẓ al-Rahmān Zayn Allāh et. al., (Arab Saudi: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikām, 2009).

- Abū Bakr ‘Abd Allāh bin Muḥammad Ibn Abī al-Dunyā, *al-‘Iyāl*, ed. Najm ‘Abd al-Rahmān Khalaf (Arab Saudi: Dār Ibn al-Qayyim, 1990).
- Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, ed. Bashār ‘Awwād Ma’rūf (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2002).
- Abū Bishr Muḥammad bin Aḥmad al-Dūlābī al-Rāzī, *al-Kunā wa al-Asmā’*, (Beirut: Dār Ibn Hazm, 2000).
- Abū Dawud Sulaymān bin Iṣhāq al-Ash’ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dawud*, ed. Shu’ayb al-Arnāūṭ (t.p. Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah, 2009).
- Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muhib al-Dīn al-Khaṭīb et al. (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1959).
- Abū al-Faḍl Aḥmad bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Mukhtaṣar Zawāid Musnad al-Bazzār ‘alā al-Kutub al-Sittah wa Musnad Aḥmad*, ed. Ṣabrī bin ‘Abd al-Khāliq (Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1992).
- Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn al-Salāh*, (Arab Saudi: ‘Imādah al-Baḥth al-‘Ilmī bi al-Jāmi’ah al-Islāmiyyah, 1984).
- Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-‘Imtā’ bi al-Arba’īn al-Mutabāyinah al-Samā’*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).
- Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Hidāyah al-Ruwāh ilā Takhrij Ahādīth al-Maṣābiḥ wa al-Miṣkāh*, ed. ‘Alī bin Ḥasan al-Ḥalabī (Kaherah: Dār Ibn ‘Affān, 2001).
- Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, (al-Hind: Maṭba’ah Dāirah al-Ma’ārif al-Niẓāmiyyah, 1908).
- Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Lisān al-Mīzān* (Beirut: Muassasah al-A’lamī, 1971).
- Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, ed. Muḥammad ‘Awwāmah (Syria: Dār al-Rashīd, 1986).
- Abū al-Fayḍ Aḥmad bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī, *al-Mudāwī li ‘Ilal al-Jāmi’ al-Saghīr wa Sharḥay al-Munāwī* (Kaherah: Dār al-Kutbī, 1996).
- Abū al-Hasan ‘Alī bin Muḥammad al-Baghdādī al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Mazhab al-Imām al-Shāfi’ī*, ed. ‘Alī Muḥammad Mu’awwaḍ dan ‘Ādil Aḥmad (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999).
- Abū al-Hasan Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakr al-Haythamī, *Majma’ al-Zawāid wa Manba’ al-Fawāid*, ed. Hussām al-Dīn al-Qudsī, (Kaherah: Maktabah al-Qudsī, 1994).
- Abū al-Hasan Nur al-Dīn al-Mullā ‘Alī al-Qārī, *Mirqāh al-Mafātīḥ Sharḥ Miṣkāh al-Maṣābiḥ*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2002).
- Abū al-Khayr Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān al-Sakhāwī, *Fatḥ al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyyah al-Hadīth*, (Mesir: Maktabah al-Sunnah, 2003).
- Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ja’far bin Ḥayyān al-Anṣārī, *Tabaqāt al-Muḥaddithīn bi Aṣbahān wa al-Wāridīn ‘Alayhā*, ed. ‘Abd al-Ghafūr ‘Abd al-Haq Ḥusayn al-Balūshī (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1992).
- Abū Muḥammad ‘Abd al-Rahmān Ibn Ḥātim al-Rāzī, *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl* (al-Hind: Ṭab’ah Majlis Dāirah al-Ma’ārif al-‘Uthmāniyyah, 1952).

- Abū Muḥammad Ḥarb bin Ismā’īl bin Khalaf al-Karmānī, *Masā'il Ḥarb bin Ismā’īl al-Karmānī*, ed. Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Sarayya’ (Beirut, Muassasah al-Rayyān, 2013).
- Abū Nu‘aym Aḥmad bin ‘Abd Allāh bin Aḥmad al-Asbahānī, *Tārīkh Aṣbahān*, ed. Sayyid Kasrawī Hasan, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990).
- Abū Nu‘aym Aḥmad bin ‘Abd Allāh al-Asbahānī, *Ma’rifah al-Ṣahābah*, ed. ‘Ādil bin Yūsuf al-‘Azārī (Riyād: Dār al-Waṭan 1998).
- Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Awsat*, ed. Ṭariq bin ‘Iwaḍ Allāh (Kaherah: Dār al-Haramayn, t.t.).
- Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb al-Ṭabrānī, *al-Rawḍ al-Dānī al-Mu’jam al-Ṣaghīr*, ed. Muḥammad Shakūr Maḥmūd al-Hāj (Beirut: Dār ‘Ammār, 1985).
- Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr*, ed. Ḥamdī bin ‘Abd al-Majīd (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, 1994).
- Abū Yaḥyā Zakariyyā bin Muḥammad al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib fī Sharḥ Rawḍ al-Tālib* (t.tp., Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.).
- Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab* (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.).
- Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj fī Sharḥ al-Minhāj* (Mesir: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Ḥalabī, 1983).
- Boddy Janice, "Womb as oasis: the symbolic context of pharaonic circumcision in rural Northern Sudan." *American Ethnologist*, 9:4 (1982).
- Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin ‘Umar al-Biqā’ī, *al-Nukat al-Wafīyyah bimā fī Sharḥ al-Alfiyyah*, ed. Māhir Yāsīn al-Fahl, (Riyād: Maktabah al-Rushd Nāshirūn, 2007).
- CEDAW/C/MYS.CO/3-5: Concluding Observations on the Combined Third to Fifth Periodic Reports of Malaysia, 14 Mac 2018.
- CEDAW/C/MYS/Q/3-5/Add.1: List of Issues and Questions in Relation to the Combined Third to Fifth Periodic Reports of Malaysia, 17 November 2017.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Hukum Pemotongan Genitalia Wanita,” diakses 24 Januari 2022, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/mainv1/fatwa/pr/15253>.
- Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakar al-Suyūtī, *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*, (t.tp., Dār Taybah, t.t.).
- Jamāl Abū al-Surūr et al., *Khitān al-Ināth Bayna al-Maghluṭ ‘Ilmiyyan wa al-Multabis Fiqhiyyan* (Mesir: al-Markaz al-Duwalī al-Islāmī li al-Dirāsat wa al-Buhūth al-Sakaniyyah, 2013).
- Manar Al-Adam, “Malaysia’s Anti-FGM Advocates: Leave Our Bodies Alone”, dikemaskini 7 Februari 2020, diakses 26 Januari 2022, <https://www.aljazeera.com/news/2020/2/7/malaysias-anti-fgm-advocates-leave-our-bodies-alone>.
- Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Daqāiq Ūlī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā* (Beirut: Dār ‘Ālim al-Kutub, 1993).

Autentikasi Hadith Pensyariatan *Khitān* Wanita:
Suatu Penilaian Semula
Norazam Khair Mohd Ithnin, Ishak Sulaiman & Abdul Halim Ibrahim

- Mohd Amirul Hassan Ahmad Tajuddin, “Hadis-Hadis Khitan Wanita: Suatu Penilaian Semula Serta Implikasi Terhadap Diskusi Semasa”, *al-Takamul al-Ma’rifi*, 2.2 (2019) 49-89.
- Muhammad Amīn bin ‘Umar bin ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥtār ‘alā al-Dur al-Mukhtār* (Mesir: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Ḥalabī, 1966).
- Muhammad bin Muhammad al-Shanqīṭī, *Lawāmi’ al-Durar fī Hatki Astār al-Mukhtaṣar* (Mauritania: Dār al-Riḍwān, 2015).
- Sister in Islam, “Seminar Sunat Perempuan: Mengenal dan #Pikirbalik Amalan Turun-Temurun”, diakses 26 Januari 2022, https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=268783057940372.
- Sister In Islam, “Sesi Pembelajaran: Merungkai Persoalan Sunat Perempuan”, diakses 26 Januari 2022, <https://www.facebook.com/officialSIS/videos/889555505273451>.
- Zafar Ahmad al-‘Uthmānī al-Tahānawī, *Qawā’id fī ‘Ulūm al-Hadīth*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (Beirut: Maktab al-Maṭbū’āt al-Islāmiyyah, 1984).